



PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 6/2024
28 JUN 2024 (21 ZULHIJAH 1445H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi di atas segala limpah kurnia-Nya, di atas kepelbagaian nikmat yang diberikan kepada kita dan diberikan nikmat kesihatan untuk menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda SAW, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam urusan mentadbir dan mengurus organisasi dan pelan jangka panjang kemakmuran bersama buat warga Petaling Jaya.

Saya amat berharap sokongan dan komitmen yang jitu ini sentiasa berpanjangan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan merealisasikan penyampaian perkhidmatan dan program-program Majlis.

2. MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

Perkembangan dunia globalisasi telah membentuk hala tuju baharu perkhidmatan awam dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sektor awam kini berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan. Penyampaian perkhidmatan yang cekap, berintegriti, berkesan, dan mesra pelanggan adalah penting dalam usaha membentuk Kerajaan yang mesra rakyat menerusi pendekatan Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha memperkukuh dan memantapkan lagi sistem penyampaian Kerajaan. Malah, keperluan kepada transformasi, inovasi dan digitalisasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan bukanlah lagi satu pilihan tetapi suatu kemestian. Sistem penyampaian perkhidmatan perlu menekankan kepada matlamat untuk memenuhi kehendak dan objektif pelanggan, sama ada masyarakat umum mahupun komuniti perniagaan.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan agensi barisan hadapan yang paling kerap berurusan dengan pemegang taruh seperti pemaaju, peniaga dan pelabur dan masyarakat setempat. Justeru, perkhidmatan PBT perlu dilihat sentiasa terkehadapan, relevan dan sentiasa menjadi penanda aras kecekapan dan prestasi perkhidmatan Kerajaan. Penggunaan teknologi dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT merupakan usaha dan iltizam Kerajaan dalam memastikan hasrat dan agenda untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat menjadi realiti.

Kita yang berkhidmat di PBT juga perlulah memainkan peranan yang amat penting dalam pentadbiran Kerajaan kerana imej sesebuah PBT turut menggambarkan imej Kerajaan. Sebagai agensi barisan hadapan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya mempunyai impak langsung kepada kualiti hidup rakyat dengan memberikan mutu perkhidmatan yang cemerlang.

Justeru, inovasi dan kreativiti hendaklah sentiasa menjadi budaya kerja MBPJ agar usaha-usaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Ia amat penting bagi PBT menambah nilai modal insan dan memperkasa tadbir urus organisasi.

3. PEMBUDAYAAN INTEGRITI DAN MENANGANI ISU RASUAH

Alhamdulillah, pada 20 Jun yang lalu genaplah 18 tahun usia Majlis Bandaraya Petaling Jaya diisytiharkan status sebagai sebuah bandar raya.

Tatkala meniti tempoh berkenaan, pelbagai cabaran suka duka serta pahit getir yang berjaya ditempuhi Majlis dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan dan keharmonian untuk warga Petaling Jaya kekal utuh.

Sejak Sistem Pengurusan Kualiti (ISO) 37001:2016 ABMS bermula di MBPJ pada 28 April 2023, Majlis telah melalui pelbagai evolusi, bukan sahaja dari segi imej dan tugas, malah berjaya mengharungi cabaran untuk melaksanakan budaya kerja baharu lebih berintegriti, bersemangat dan profesionalisme bagi memastikan agenda perkhidmatan rakyat, sekali gus melancarkan serta melicinkan mekanisme pemulihan ekonomi negara.

Justeru bagi memastikan elemen integriti dan kepentingan awam menjadi keutamaan dalam penugasan dan kehidupan, kita perlu berazam memberi penekanan terhadap dua fokus utama sebagai asas dalam melalui landasan perkhidmatan di MBPJ.

Fokus pertama, perkhidmatan Majlis yang bertunjangkan integriti dan tatakelola yang baik (*Good Governance*) yang menuntut amalan dan pembudayaan dalam setiap tindakan dan sudut kehidupan. Elemen ini harus dijadikan benteng utama bagi mengekang keterlibatan warga Majlis dengan gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Fokus kedua, mendukung dasar-dasar kerajaan ke arah kesejahteraan masyarakat, menuntut seluruh warga pasukan mengenyepikan kepentingan peribadi, sebaliknya memusatkan fokus dan matlamat selaras dasar kerajaan demi kepentingan dan kesejahteraan masyarakat.

4. CADANGAN BAJET 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya kini dalam proses penyediaan bajet bagi tahun 2025. Oleh itu, Majlis ingin menjemput dan mempelawa pemegang taruh di Petaling Jaya untuk bersama-sama memberikan dan menyumbang cadangan/idea bagi penyediaan bajet 2025 ini.

Bagi mengekalkan Petaling Jaya Bandaraya Paling Bahagia, terdapat 5 fokus Majlis bagi tahun 2025 iaitu **Alam Sekitar dan Kesihatan, Pengurusan Bandar Selamat dan Bebas Halangan / Infrastruktur Kelas Pertama, Peningkatan Hasil/Ekonomi PBT, Pembangunan Sosial dan Pengurusan Bandar Digital**. Fokus ini selari dan berteraskan kepada 10 Tematik PJSSR 2030, 4 Teras RS-1 dan 6 nilai teras Malaysia MADANI.

Sehubungan dengan itu, segala cadangan bajet 2025 ini boleh dihantar melalui laman web Majlis Bandaraya Petaling Jaya, www.mbpj.gov.my dan tarikh akhir cadangan diterima adalah pada 21 Julai 2024.

5. PELANCARAN 7 GARIS PANDUAN AKTIVITI PERNIAGAAN BARU DI PETALING JAYA

Majlis telah mengambil tindakan proaktif dalam memastikan ekonomi negara dan khususnya di kawasan Petaling Jaya dengan melancarkan 7 garis panduan aktiviti perniagaan yang baru dan juga garis panduan aktiviti perniagaan sedia ada. Penyediaan garis panduan tersebut melibatkan sesi libat urus di antara Majlis, Ahli Majlis, komuniti dan juga pemegang lesen yang berkaitan. Antara garis panduan yang telah dikemaskini dan akan dilancarkan terbahagi kepada 3 kategori iaitu:

1. Aktiviti perniagaan baru
 - a. Garis panduan aktiviti Go kart
 - b. Garis panduan aktiviti Golf *simulator*
 - c. Garis panduan aktiviti *Pet Hotel*
 - d. Garis panduan aktiviti *Pet Grooming*

2. Aktiviti pemutihan
 - a. Garis panduan aktiviti pemutihan Kg Cempaka
 - b. Garis panduan aktiviti pemutihan Old Town

3. Aktiviti perniagaan di hadapan rumah (Taman Medan)

Tujuan utama pelancaran garis panduan ini adalah bagi memastikan aktiviti perniagaan ini dapat dikawal bagi memastikan kesejahteraan penduduk Petaling Jaya. Disamping itu juga, para pengusaha mikro dan makro di kawasan Petaling Jaya dapat menjalankan perniagaan dengan lebih yakin dan dapat terus mengembangkan perniagaan serta

membuka peluang pekerjaan serta perkembangan ekonomi kepada orang ramai. Tambahan lagi, ia juga selaras dengan *Thematic Economically Vibrant City* (EVC) di bawah Pelan Strategik Petaling Jaya Smart, *Sustainable and Resilient 2030* (PJSSR2030) serta merangsangkan ekonomi Negeri Selangor di bawah Teras 1 (Pengukuhan ekonomi) serta menjana Keluaran dalam negara kasar (KDNK) di bawah ekonomi Malaysia.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 16 lesen sementara telah dikeluarkan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan aktiviti baru di kawasan Petaling Jaya.

6. PELAN INDUK LANDSKAP PETALING JAYA (PiLAN PJ)

Majlis memandang serius kejadian pokok tumbang yang berlaku di Jalan Pinang dan Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur sehingga mengorbankan nyawa dan kerosakan kenderaan pengguna jalan raya baru-baru ini. Kejadian ini menimbulkan keprihatinan yang serius terhadap keselamatan masyarakat, khususnya semasa musim hujan yang tidak menentu.

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang komited dalam mempromosikan landskap mampan dan berkualiti, Majlis percaya bahawa langkah-langkah proaktif perlu diambil untuk mengelakkan kejadian sedemikian berulang melalui penyelenggara pokok secara berkala, sama ada secara dalaman (in-house) atau melalui kontraktor luar adalah penting untuk memastikan keselamatan dan kestabilan pokok besar yang berusia.

Majlis menggunakan kaedah seperti pemangkasan dahan (*Crown Thinning*) untuk mengurangkan dahan dan memudahkan laluan angin melalui kanopi pokok. Kanopi yang padat boleh menyebabkan 'Sail Effect' semasa angin kuat akan mengakibatkan pokok tumbang.

Selain daripada pemantauan dan pemeriksaan pokok secara berterusan, Majlis akan memastikan pelaksanaan sepenuhnya garis panduan sedia ada dalam **Pelan Induk Landskap Petaling Jaya (PiLAN.PJ)**. Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap telah dibentuk dan disusun dengan teliti oleh pakar-pakar dalam bidang landskap bagi memastikan keselamatan awam dan mengutamakan pemeliharaan alam sekitar.

Majlis juga mengharapkan kesedaran masyarakat mengenai peranan serta kepentingan pokok dalam kehidupan bandar perlu ditekankan. Program-program pendidikan dan kempen kesedaran boleh membantu masyarakat memahami kepentingan menjaga dan memelihara pokok di persekitaran mereka.

Selain itu, Majlis akan melibatkan pakar seperti Arkitek Landskap dan Perancang Bandar dalam proses perancangan bandar. Perancangan yang bersepadu dan teliti adalah penting untuk memastikan bahawa landskap bandar direkabentuk dengan memperuntukkan ruang yang mencukupi untuk pertumbuhan pokok yang sihat dan selamat.

Majlis komited untuk terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam usaha memastikan keselamatan awam dan menjaga kelestarian alam sekitar. Majlis percaya bahawa hanya dengan usaha bersama, kita dapat mencapai bandar yang lebih hijau, selamat dan mesra alam.

7. PENGURUSAN ADUAN MENJADI KEUTAMAAN MBPJ

Aspek pengurusan aduan adalah penting dalam usaha Majlis menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Aduan yang diterima oleh Majlis seharusnya dianggap sebagai maklum balas membina bagi memantapkan proses kerja dan prosedur secara berterusan.

Sehubungan itu, pengurusan aduan awam hendaklah diberikan tumpuan khusus bagi memastikan denyutan nadi rakyat Petaling Jaya sentiasa dirasai dan menjadi asas dalam meningkatkan mutu sistem penyampaian awam. Justeru, penyelesaian aduan yang berkesan dan mengikut tempoh masa penyelesaian yang telah ditetapkan adalah perkara utama yang perlu ditekankan oleh setiap Jabatan di MBPJ ini.

Komitmen daripada Ketua-ketua Jabatan dan setiap warga Majlis sangat diperlukan untuk bersama-sama meneliti setiap aduan yang diterima disamping menggalakkan kakitangan berkongsi idea, aduan dan mengenalpasti ruang-ruang yang memerlukan penambahbaikan.

Bagi aduan tahun 2023, Majlis telah menerima sebanyak 21,940 kes aduan daripada orang awam. Daripada jumlah ini, hanya 19,644 aduan yang sah manakala 2,296 aduan lagi telah ditolak/tidak sah (aduan sama/ bertindan, maklumat pengadu tidak lengkap, permohonan dan pertanyaan).

Daripada jumlah 19,644 aduan tersebut, pihak Majlis telah berjaya menyelesaikan aduan **sebanyak 90% (atau 17,742 kes)** manakala **sebanyak 4% (atau 845 kes) 'Dalam Tindakan'** dan **sebanyak 6% (atau 1,137 kes) dikategorikan sebagai 'Penyelesaian Jangka Panjang (PJP)'**. Kesemua aduan yang masih belum diselesaikan

sebelum tahun 2024 ini akan sentiasa dipantau di mesyuarat Pengurusan Aduan bersama Jabatan.

Setiap aduan yang diterima bukan sahaja perlu disantuni dan diselesaikan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, seharusnya butiran aduan tersebut hendaklah dibaca dengan teliti dan difahami kandungan sebenar aduan agar ia boleh di analisa untuk mewujudkan sistem pengurusan aduan yang lebih informatif dengan data-data bernilai, profesional dan seterusnya membantu pengurusan tertinggi Majlis membuat keputusan yang tepat.

Pegawai-pegawai aduan di setiap jabatan juga mesti mempunyai pengetahuan yang luas, berkemahiran tinggi, tidak berat sebelah (*bias*) dan bersifat terbuka agar dapat memberi khidmat nasihat serta pandangan yang wajar kepada setiap aduan yang diterima oleh jabatan.

8. CEGAH AEDES DAN CEGAH DENGGI

Situasi semasa kes demam denggi bagi kawasan pentadbiran MBPJ yang dilaporkan pada minggu Epid (ME) ke 25/2024 (16-22 Jun 2024) adalah sejumlah 125 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 3,963 kes yang dilaporkan bagi tahun 2024. Keadaan ini menurun sebanyak 7 peratus daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya (ME ke 24/2024) iaitu 134 kes. Jumlah Lokaliti Wabak adalah 69 lokaliti, di mana 17 Lokaliti Wabak *Hotspot* dicatatkan.

Bagi jumlah kes demam denggi bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Daerah Petaling bagi tahun 2024 (1 Jan 2024 sehingga 22 Jun 2024) adalah seperti berikut, Majlis Bandaraya Subang Jaya (5,293 kes), **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (3,963 kes)** dan Majlis Bandaraya Shah Alam (3,660 kes).

Sempena Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya ke-18, Majlis telah menganjurkan Gotong-Royong Mega pada 9 Jun 2024. Gotong-royong ini telah dilakukan secara serentak di 5 lokasi wabak. Program ini juga melibatkan Ahli Majlis kawasan, Majlis Perwakilan Penduduk, Rukun Tetangga/Persatuan Penduduk, jabatan-jabatan teknikal dalaman MBPJ dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Misi utama program ini adalah untuk membersihkan persekitaran perumahan agar bebas daripada tempat pembiakan nyamuk, meningkatkan kesedaran bahaya demam denggi dalam kalangan penduduk, kakitangan dan seluruh lapisan masyarakat.

Dalam masa yang sama, Majlis telah bekerjasama dengan Syarikat Uni-Charm Mamypoko dan dibantu oleh PKD Petaling, Ahli Majlis kawasan dan persatuan penduduk dalam menjayakan Program Gotong-Royong Pembasmian Denggi pada 23 Jun 2024 yang lalu bagi untuk memastikan Petaling Jaya bersih dan selamat daripada denggi.

Ini adalah salah satu program CSR Uni-charm bagi memupuk kesedaran tentang bahaya denggi dan kesedaran penjagaan kebersihan persekitaran dalam kalangan kakitangan Uni-charm dan penduduk di kawasan perumahan Medan 32.

Melalui usaha gabungan ini, kedua-dua pihak iaitu MBPJ dan Uni-Charm Malaysia berhasrat untuk memberi inspirasi kepada seluruh masyarakat Petaling Jaya khususnya di kawasan 'hotspot' denggi untuk mengambil langkah proaktif dalam mengekalkan persekitaran yang lebih bersih dan sekali gus dapat mencegah penularan kes demam denggi.

9. PETALING JAYA BANDAR PALING BAHAGIA

Saban tahun, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menyambut Ulang Tahun Hari Perisytiharan Bandar Raya pada setiap tanggal 20 Jun. Detik dan waktu ketika diisytiharkan status bandar raya masih kekal dan segar dalam minda masyarakat Petaling Jaya.

Seiring dengan kepesatan pembangunan global dan arus kemodenan, MBPJ terus bergerak maju ke hadapan. Pelbagai anugerah, kejayaan dan pengiktirafan diterima dan diraih sama ada dari dalam negara mahupun peringkat global menjadi mercu tanda aras kecemerlangan bahawa Majlis kekal fokus dan beriltizam untuk membangunkan bandar raya Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar dan berdaya tahan.

Kini telah memasuki tahun ke-18 menggalas gelaran tersebut, Majlis Bandaraya Petaling Jaya tekad untuk terus komited dalam menyediakan dan menawarkan perkhidmatan terbaik serta pembangunan mampan dalam memenuhi aspirasi penduduk setempat yang tinggi.

Tema "**Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia**" diangkat sebagai tema sambutan untuk edisi kali bersempena dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima Anugerah Bandar Paling Bahagia 2024 sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (Happiness Index)

Peringkat Kebangsaan yang bertemakan “Bahagia Bersama Malaysia MADANI”.

Oleh itu, bagi menghargai warga Petaling Jaya dan sempena sambutan Ulang Tahun Bandaraya, sebanyak 37 aktiviti dan program dilaksanakan sepanjang bulan Jun 2024 bagi mengeratkan hubungan di antara MBPJ dengan warga Petaling Jaya. Selain itu, objektif pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk menggalakkan penyertaan dari semua peringkat komuniti.

Lebih mengujakan, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor turut berkenan mencemar duli dengan memotong pulut kuning simbolik kepada Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Ke-18 Petaling Jaya pada 20 Jun sewaktu Majlis Santapan Malam Gagasan Rumpun Selangor.

Oleh yang demikian, saya menjemput orang ramai bersama-sama dalam memeriahkan lagi sambutan yang diadakan ini dengan menghadiri Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandaraya dan Prapelanaran *International Folklore Festival 2025* yang akan berlangsung esok (29 Jun 2024) bertempat di Laman MBPJ pada jam 8 malam dan pada keesokan harinya pula pelbagai program yang telah di atur seperti *PJ Tower Run* dan *Jom Jelajah PJ Treasure Hunt*. Bersama-sama kita raikan.

Di kesempatan ini, mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan Bola Sepak Wanita MBPJ FC kerana merangkul kejuaraan pertama Piala FA Selangor 2024.

Saya percaya dan yakin, semangat kerjasama dalam satu pasukan kesungguhan dan semangat tidak pernah kenal erti kalah menjadi pemangkin terhadap kejayaan ini. Momentum dan semangat juara ini harus ada pada diri setiap individu dalam meraih pelbagai lagi kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan. Tahniah dan syabas diucapkan sekali lagi.

Sekian, terima kasih.